




PENUNGGANG motosikal meredah air ekoran daripada banjir kilat di kawasan parkir Gaint Seksyen 13, Shah Alam.

Oleh Ayusliza Azizan
hmetroshahalam@hmetro.com.my
Kuala Selangor

Banjir kilat berserta lumpur di beberapa kawasan di Puncak Alam Sabtu lalu dipercayai berpunca daripada kolam tadahan air yang gagal menampung jumlah air selain pembangunan di kawasan berkenaan.

Dalam kejadian itu, lebih 200 penduduk membabitkan penghuni 167 rumah di Fasa 2B3, Sinar Alam terjejas buat kali kedua pada tahun ini manakala dua jalan utama ke Bandar Puncak Alam iaitu Jalan Meru Tambahan dan Jalan Persiaran Puncak Alam, ditenggelami air.

Pengerusi Majlis Pemua-fakatan Penduduk (MPP) Bandar Puncak Alam Mohd



KEADAAN air mula melimpah di atas jalan ekoran banjir kilat di Hadapan Menara U, Shah Alam.

Hanif Md Sultan berkata, Puncak Alam memiliki lima kolam tadahan air dan tidak mampu menampung kuantiti air menyebabkan kediaman di kawasan rendah dinaiki air.

"Kami sedih dan kecewa apabila kejadian sama berulang sekali lagi dalam tem-

poh empat bulan, malah banjir kali ini lebih buruk berbanding Ogos lalu yang hanya membabitkan 100 rumah.

"Kami mahukan penyelesaian menyeluruh daripada pihak berkaitan sama ada melakukan kerja penyelenggaraan terhadap kolam

berkenaan atau melakukan audit bagi meneliti masalah ini," katanya ketika ditemui kelmari.

Sementara itu, Ahli Majlis Majlis Daerah Kuala Selangor (MDKS) Zon Puncak Alam Mohd Fakaruddin Ismail berkata, beliau akan membawa perkara berkenaan ke-

pada pengetahuan kerajaan negeri supaya kerja penyelenggaraan kolam tadahan air dapat dilakukan segera.

"Pemaju perumahan juga diminta memainkan peranan kerana satu daripada punca kejadian disebabkan pembangunan di situ," katanya.

Lima kolam tak tertampung

Banjir kilat kedua lebih buruk hingga 167 rumah tenggelam